

UPM hasilkan pelan tindakan Keterjaminan Makanan

Oleh [Tuty Haryanti Ahmad Rodzi](#) - April 19, 2024 @ 7:47pm
bhnews@bh.com.my



Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Ahmad Farhan Mohd Sadullah (tujuh dari kanan) bergambar bersama pensyarah universiti itu selepas menyampaikan anugerah pada Majlis Promosi UPM bersama Media 2024 - Foto NSTP/SAIFULLIZAN TAMAD

SERDANG: Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam proses menghasilkan pelan tindakan Keterjaminan Makanan dalam usaha membantu negara menangani isu pertanian dan keterjaminan makanan.

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Ahmad Farhan Mohd Sadullah, berkata dokumen itu akan mengandungi pelbagai khazanah penting yang akan menunjukkan keupayaan dan kehebatan UPM.

Selain itu, katanya dokumen itu juga memberi peluang kepada penyelidik dan ahli akademik di universiti itu untuk merebut peluang yang ada dalam usaha memperkuuhkan keterjaminan makanan.

"Saya juga berharap dokumen ini nanti dapat dijadikan rujukan dan garis panduan bukan sahaja kepada akademia tetapi juga pihak universiti, institusi pengajian tinggi (IPT), politeknik dan pelbagai peringkat untuk membantu isu keterjaminan makanan," katanya.

Beliau berkata demikian Majlis Promosi UPM Bersama Media di UPM di sini, hari ini.

Turut hadir, Timbalan Pengarang Kumpulan Berita Harian (BH), M Thilinadan.

Mengulas lanjut, Ahmad Farhan berkata, isu keterjaminan makanan turut mempunyai kaitan dengan perkara lain termasuk kesihatan.

Justeru katanya, usaha awal UPM untuk mengeluarkan dokumen berkenaan adalah jalan terbaik yang diambil ketika ini demi masa depan negara.

"Saya yakin ketika ini kami sudah ada rentak dan berharap tindakan warga UPM dalam usaha ini juga akan berlipat kali ganda dari segi bilangan dan impak.

"Saya juga berharap dengan usaha ini, selepas ini UPM akan sinonim dengan isu keterjaminan makanan dan dapat membantu negara dalam usaha menangani isu ini," katanya.

Sementara itu, Ahmad Farhan berkata, majlis yang diadakan itu bertujuan mempromosikan UPM kepada pengamal media selain turut menghargai peranan media yang banyak membantu pembabitan UPM dalam mendokong aspirasi dan agenda negara kepada masyarakat.

Katanya, peranan yang dimainkan media selama ini banyak memberi impak positif kepada UPM terutamanya dari aspek visibiliti dan pemerkasaan imej, penjenamaan, promosi kepakaran, menonjolkan bakat pelajar dan menyampaikan maklumat aktiviti UPM kepada masyarakat, pemimpin dan pihak berkepentingan di dalam negara mahupun luar negara.

"Kali ini, penyampaian Anugerah Visibiliti Media turut diadakan bersekali dalam majlis ini, bagi menghargai pakar yang membantu meningkatkan reputasi UPM di media melalui perkongsian kepakaran dan sumbangan artikel kepakaran," katanya.

Anugerah Visibiliti Media dimenangi oleh Prof Madya Dr Malina Osman; Anugerah Artikel Kepakaran Terbaik Kategori Sains (Dr Husna Musa); Anugerah Artikel Kepakaran Terbaik Kategori Sains Sosial (Dr Mohammad Nidzam Abdul Kadir).

Anugerah Visibiliti Media (PTJ) dimenangi UPM Kampus Bintulu manakala Anugerah Visibiliti Media (Kumpulan P&P) Bukan Akademik (Noor Mohamad Shakil Hameed).

Anugerah Visibiliti Media Bidang Pertanian pula dimenangi Prof Dr Anjas Asmara Ab Hadi Samsudin; Anugerah Penulis Harapan Bidang Pertanian

(Prof Madya Dr Christopher Teh

Boon Sung) dan Anugerah Visibiliti TV/Radio (Prof Madya Dr Mohd Mursyid Arshad).

Sementara itu, Anugerah Visibiliti Media (Dekan) dimenangi Prof Dr Mohamad Fazli Sabri; Anugerah Penulis Harapan Bidang Sains (Dr Mohd Yusoff Ishak) dan Anugerah Penulis Harapan Bidang Sains Sosial (Prof Madya Ts Dr Mond Zairul Mohd Noor).